



**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT JABATAN
PERIKANAN MALAYSIA
BERITA PERIKANAN HARI INI**

**28 Februari 2025
29 Sya'ban 1446H**

SENARAI AKHBAR	TAJUK
Utusan Malaysia	•
Berita Harian	•
Harian Metro	•
Kosmo	• Ikan bandaraya 'musuh' utama hidupan di Sungai Perak
Sinar Harian	•
The Star	•
New Straits Time	•
Nanyang Siang Pau	•
Malaysia Gazette	•
The Sun	•
Malaysiakini	•
Bernama	• Jabatan Perikanan Perak tekad perangi populasi ikan asing
BenarNews Malaysia [Online]	•
Guan Ming Daily	•
Sabah Media	•

JENIS AKHBAR							MUKA SURAT	TARIKH
UTUSAN MALAYSIA		KOSMO!	↗	THE STAR		NANYANG SIANG PAU		
BERITA HARIAN		SINAR HARIAN		THE SUN		ORIENTAL DAILY		
HARIAN METRO		NEW STRAITS TIMES		THE MALAY MAIL		PELBAGAI		
KATEGORI LIPUTAN: POSITIF			NEGATIF	↘	NEUTRAL		14	28/2/25



MOHD. ZOLKAFLY (tengah) melepaskan benih ikan ke dalam Sungai Perak di Jeti Nelayan Darat Kampung Chegar Galah dekat Padang Rengas semalam.

Ikan bandaraya 'musuh' utama hidupan di sungai Perak kosmo, ms14

PADANG RENGAS - Ikan bandaraya atau nama saintifiknya *hypostomus plecostomus* kini adalah 'musuh' utama yang mengancam hidupan sungai di Perak.

Pengarah Perikanan negeri, Mohd. Ghazali Abd. Manap berkata, ikan tersebut paling banyak direkodkan di negeri ini hasil daripada aktiviti pemburuan ikan asing invasif pemangsa atau spesies yang merosakkan ekosistem.

"Ikan ini mempunyai tabiat mengorek dinding tebing bagi membuat ruang untuk bertelur. Daripada aktiviti inventori dan pemburuan ikan asing, ikan ini paling banyak. Terutama di

sekitar Sungai Kinta dan Sungai Pinji," katanya selepas majlis penyerahan Jeti Nelayan Darat Kampung Chegar Galah dan pelepasan benih oleh Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Luar Bandar, Perladangan, Pertanian & Industri Makanan negeri, Datuk Mohd. Zolkafly Harun di sini semalam.

Ikan bandaraya merupakan spesies ikan invasif yang mula membiak di kawasan perairan negara akibat pelepasan oleh peternak sejak beberapa tahun.

Mohd. Ghazali berkata, pihaknya akan membuat aktiviti pemburuan ikan tersebut secara berperingkat dan besar-besaran jika mempunyai peruntukan,

serta terbuka untuk bekerjasama dengan sukarelawan dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO).

Katanya, pihaknya akan meneruskan tindakan menyerbu premis dan merampas ikan-ikan yang dilarang untuk dimiliki.

"perlu ada kebenaran khas untuk apa tujuan dia memiliki (ikan yang dilarang). Kalau hendak buat hiasan pun, apa tujuannya.

"Mereka ini mungkin ada kebolehan untuk membuat pembenihan dan mendapat untung hasil jualan benih. Misalnya ikan-ikan kecil seperti *geophagus* yang boleh dibuat pembenihan, namun akan mencetuskan masalah jika dilepaskan di perairan umum," katanya.

Jabatan Perikanan Perak Tekad Perangi Populasi Ikan Asing

© 27/02/2025 02:58 PM



Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Luar Bandar, Perladangan, Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Mohd Zolkafly Harun (tengah) melepaskan benih ikan dan udang pada Majlis Penyerahan Jeti Nelayan Darat Kampung Chegar Galah dan Majlis Pelepasan Benih Ikan dan Udang ke Perairan Umum 2025 di Jeti Nelayan Darat, Kampung Chegar Galah, Sauk hari ini. Turut sama Pengarah Perikanan Negeri Perak, Ghazali Abd Manap (kiri).

PADANG RENGAS, 27 Feb (Bernama) -- Jabatan Perikanan Perak terus komited memerangi populasi spesies ikan asing yang merupakan ancaman besar kepada ekosistem sungai di negeri ini, kata Pengarahnya Mohd Ghazali Abd Manap.

Beliau berkata spesies berkenaan termasuk ikan bandaraya atau nama saintifiknya *Pterygoplichtys spp* yang paling banyak ditangkap serta dilupuskan terutama di Sungai Kinta dan Sungai Pinji di daerah Kinta.

"Ikan ini pembesarannya cepat, hanya memerlukan masa enam bulan untuk mencapai tempoh matang dan mampu membiak dengan banyak.

"Selain itu, tabiat ikan ini yang mengorek tebing untuk dijadikan tempat bertelur juga menyebabkan berlaku kejadian tebing rebak di beberapa lokasi perairan umum di negeri ini," katanya pada sidang media selepas Majlis Penyerahan Jeti Nelayan Darat serta Program Pelepasan Benih Ikan di Kampung Chegar Galah, di sini hari ini.

Mohd Ghazali berkata bagi memastikan populasi ikan itu dihapuskan, beberapa siri pemburuan dan pelupusan akan dilaksanakan secara besar-besaran tahun ini melibatkan kerjasama beberapa pertubuhan bukan kerajaan (NGO).

"Bila buat program seperti ini, ia akan menimbulkan kesedaran dan tanggungjawab kepada orang awam untuk mengetahui mengenai kehadiran ikan ini diperairan umum," katanya.

Selain itu, beliau berkata sebanyak RM250,000 diperuntukkan bagi pembinaan Jeti Nelayan Darat Kampung Chegar Galah yang telah siap sepenuhnya sekitar Disember lepas.

"Dengan adanya jeti ini, kira-kira 30 nelayan sekitar kawasan ini akan mendapat manfaat dan diharapkan turut memberi impak positif kepada ekonomi tempatan serta meningkatkan kualiti hidup komuniti nelayan," katanya.

-- BERNAMA